

PENCAPAIAN ADUAN DAN SIASATAN SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC) 2021

1. EAIC merekodkan 1,061 aduan terhadap pelbagai agensi penguatkuasaan daripada orang awam dari 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2021. Daripada jumlah tersebut, 1,030 aduan telah diselesaikan sehingga 7 Januari 2022 menjadikan pencapaian penyelesaian aduan sebanyak 97.08% dengan 31 aduan (2.92%) masih dalam tindakan. Jumlah ini melebihi sasaran KPI tahunan penyelesaian aduan EAIC yang ditetapkan pada 85%.
2. Status aduan dari tahun 2019 dan 2020 telah mencatatkan sifar tunggakan dengan penyelesaian 100% susulan langkah penambahbaikan dan pendekatan pro-aktif yang dijalankan bagi menyelesaikan aduan dengan lebih cepat dan efisien.
3. Antara aduan yang diterima adalah melibatkan agensi penguatkuasaan di bawah seliaan EAIC iaitu Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Jabatan Sukarelawan Rakyat Malaysia.
4. EAIC akan terus meningkatkan prestasi serta tahap perkhidmatan kepada orang awam dan akan sentiasa mengukuhkan jalinan kerjasama dengan semua pihak terutama agensi penguatkuasaan di bawah seliaan EAIC dalam membanteras salah laku dan menangani isu integriti agar tidak lagi membelenggu pegawai penguat kuasa/agensi penguatkuasaan di negara ini.

Untuk mendapatkan laporan lengkap dan perincian statistik aduan dan siasatan di atas, sila layari www.eaic.gov.my. Sebarang pertanyaan lanjut/syor penambahbaikan boleh dihantarkan kepada eaic-pro@eaic.gov.my.

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)

20 Januari 2022